

Oleh : DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Tempat : DEWAN NIRWANA, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR
Tarikh : 27-12-81
Tajuk : DI MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN
PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK (PPTD) DI DEWAN
NIRWANA
Penyampai : PM
No. Sysref: 10001

Yang Amat Berbahagia
Tun Dr. Hussein Onn dan
Toh Puan Suhailah;

Yang Amat Berhormat
Dato' Musa Hitam

Yang Berbahagia
Tan Sri Hashim Aman,

Ketua Setiausaha Negara;

Yang Berusaha Dr. Elyas Omar,
Presiden PPTD;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bagi pihak isteri saya dan diri saya sendiri, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, khususnya kepada Yang Berusaha Dr. Elyas Omar, Presiden PPTD, serta sekalian ahli-ahli Jawatankuasa PPTD kerana sudi menjemput saya ke Majlis Makan Malam Tahunan ini dan di atas penghormatan yang diberikan kepada saya.

2. Bagi saya PTD memberi erti pegawai-pegawai kanan yang bertugas sebagai pengurus dan eksekutif sebahagian besar daripada sektor awam. Anggota PTD merupakan sebahagian besar daripada mereka yang berkait rapat dengan prestasi jentera perkhidmatan awam. Oleh itu peluang untuk hadir

bersama-sama saudara-saudara sekalian di dalam Majlis seperti ini, merupakan satu peluang keemasan bagi saya untuk memperkatakan sesuatu. Walaupun semenjak saya memegang jawatan Perdana Menteri saya telah beberapa kali berpeluang pertama saya berpeluang bertemu dan berhadapan dengan pegawai-pegawai PTD dengan begitu ramai sekali.

3. Oleh itu, sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit sebanyak mengenai peranan dan tanggungjawab pengurus dan eksekutif. Apa yang saya sentuh hanya merupakan sebahagian kecil atau "the tip of the iceberg" dalam bidang pentadbiran dan pengurusan, iaitu bidang yang menjadi kemahiran saudara-saudara sekalian. Saya yakin, dengan pengetahuan dan pengalaman tentulah saudara-saudara sekalian dapat merenung perkara-perkara ini dengan lebih terperinci dan teliti.

4. Bagi saya terdapat dua model pemerintahan ataupun pengurusan. Model pertama ialah apabila kita begitu kagum dengan pencapaian kita hinggalah kita menjadi puas hati dan lalai hinggalah sesuatu keadaan membangunkan kita daripada khayalan. Model kedua ialah apabila kita sentiasa berpendirian bahawa apa yang kita capai adalah masih rendah jika dibandingkan dengan kemampuan dan kebolehan yang ada atau yang mungkin kita adakan yang mengakibatkan kita sentiasa berusaha untuk memperbaiki apa-apa jua yang kita buat. Yang membezakan kedua-dua model ini ialah dua perkara, pertama "sense of purpose," dan kedua ialah "sense of urgency."

tekad, jelas tujuannya dan kita memberi keutamaan dan kepentingan kepadanya. Oleh itu, elok kita lupakan model pertama, iaitu apa yang boleh kita anggap sebagai "complacency model" yang akan menjadikan seseorang manusia sebagai individu yang tidak bermaya dan sesuatu bangsa dan negara sebagai bangsa dan negara yang mundur dan lemah. Saudara-saudara sekalian.

6. Bagi saudara-saudara yang telah menjelajah dunia atau melawat negara-negara lain tentu bersependapat dengan saya menjadi rakyat negara ini. Bagi setengah negara, bukan sahaja hampir mustahil bagi rakyat asing untuk menjadi warganegara tetapi peluang-peluang untuk menyertai kegiatan ekonomi dan memperbaiki taraf hidup bagi sebahagian besar penduduk adalah begitu malap sekali. Lihat sahaja kepada

kebanyakan negara dan kita tentu bersyukur bahawa rakyat kita, sebagai rakyat Malaysia tidak mengalami kebuluran yang sekarang menimpa berjuta-juta manusia, kita tidak dilanda malapetaka bencana alam yang meragut nyawa dan memusnahkan harta benda dan tanaman dengan luas dan besar-besaran.

7. Sebagai sebuah negara membangun yang kecil dengan masalah-masalahnya di tengah-tengah suasana politik dan ekonomi antarabangsa yang tidak begitu stabil, kita tidak dapat tidak mesti meletakkan "sense of purpose" dan "sense of urgency" sebagai dua penentu atau pertimbangan dalam semua tindakan kita, tidak kira sama ada dalam perkara dasar, perancangan ataupun pelaksanaan, dan tidak kira sama ada perkara itu kecil atau besar. Syukur, alhamdulillah, kita bernasib baik mempunyai berbagai sumber alam dan bahan mentah yang bernilai dan diperlukan oleh dunia, iklim kita baik dan dapat menyuburkan tanaman dan tumbuhan, situasi kita dari segi geografi membantu dalam kegiatan dan hubungan ekonomi kita. Jika kita insafi segala faktor-faktor yang saya sebutkan itu kita akan sedar bahawa kita mempunyai potensi dan segala kemungkinan untuk menjadi satu bangsa dan negara yang maju dan disegani umum. Faktor yang boleh menjadikan cita-cita ini sebagai kenyataan ialah kegigihan berusaha untuk memenuhi tujuan dan matlamat cita-cita itu dengan "a sense of urgency."

8. Semenjak saya memegang jawatan Perdana Menteri saya telah berulang-kali menegaskan dan menjelaskan betapa pentingnya usaha yang gigih dan dedikasi di dalam menjalankan kerja. Sifat-sifat ini bukanlah terhad kepada mana-mana pihak atau golongan malahan harus menjadi sifat dan keperibadian bangsa Malaysia moden. Oleh itu ciri-ciri ini juga semestinyalah menjadi ciri pengurus dan eksekutif moden tidak kira sama ada mereka berkerja di dalam sektor awam ataupun sektor swasta. Yang harus menjadi pendorong dan penggerak setiap rakyat ialah mutu usahanya dan tingkat pencapaiannya dalam melakukan sesuatu. Mutu usaha dan tingkat pencapaian yang tinggi harus memberi kepuasan yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit dan ganjaran material.

9. Pegawai-pegawai Kerajaan adalah pengurus dan eksekutif yang bertanggungjawab bagi menggerakkan jentera Kerajaan untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditentukan. Kerajaan

adalah pemegang amanah rakyat dan ia harus menjalankan tanggungjawab-tanggungjawabnya dengan cekap, licin dan bersih. Setiap pegawai Kerajaan, tidak kira sama ada ianya seorang pentadbir atau seorang pegawai profesional dan teknikal, harus mendukung hasrat yang saya sebutkan itu. Setiap pegawai dalam konteksnya adalah seorang pengurus dan eksekutif dan ianya tidak harus lupa atau lalai daripada tugas-tugas yang dikehendaki daripada seorang pengurus atau eksekutif. Seseorang pegawai mestilah memberi perhatian yang personal kepada tugas-tugas pengurusan seperti perancangan, pengawalan, pengawasan, pembangunan staff, kewangan, maintenance dan lain-lain. Saya menyebutkan perhatian personal kerana mengambil tindakan terhadap sesuatu kes atau fail dalam bidang kewangan misalnya tidak semestinya bermakna seseorang pegawai itu telah melaksanakan tugas kewangan kerana pelaksanaan tugas kewangan yang sempurna ialah dengan memberi kepentingan dan mengambil perhatian kepada setiap aspek kewangan dari segi perancangan, pelaksanaan, pengawalan dan pengawasannya. Tanpa konsep yang jelas mengenai tugas-tugas ini dan cara melaksanakannya yang kemas dan teratur, peralatan dan suasana moden mungkin tidak dapat menolong. Itulah sebabnya kadang-kadang sesebuah organisasi itu tidak putus-putus mempunyai masalah.

10. Seseorang pegawai juga mestilah mempunyai sikap untuk melaksanakan tugas-tugas ini dengan paling cekap dan licin. Ia harus belajar, harus membaca, harus meluaskan pengalaman supaya ia dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Biarlah saya memberi satu contoh untuk membuktikan bahawa sebenarnya pengurusan adalah lebih merupakan perkara yang berasaskan "common sense." Misalnya bila saya membuat perhatian tentang kecantikan dan kebersihan ataupun "beautification and cleanliness," dengan senang sahaja kita dapat melihat sejauh mana prinsip "common sense" ini telah digunakan oleh anggota-anggota yang bertanggungjawab bagi melaksanakan tugas ini. Untuk mencantikkan tepi-tepi jalan, pokok-pokok telah ditanam. Di sini elok juga kalau pegawai yang berkenaan melengkapkan dirinya dengan membaca buku mengenai pokok-pokok dan sifat-sifat pokok-pokok tertentu dari segi penyakit dan penjagaannya dan meluaskan pengalamannya mungkin dengan bertanyakan kepada tuan punya-tuan punya "nursery" untuk mendapatkan panduan yang lebih praktikal. Saya sebutkan perkara ini kerana ada ketikanya pokok yang ditanam tidak teratur, ataupun pokok yang banyak menggugurkan daun ditanamkan di tempat yang banyak lalu

lintas hingga menyusahkan pembersihan. Ataupun pokok yang memerlukan jagaan yang begitu teliti telah di tanam di tempat-tempat yang susah untuk dijaga. Ada kalanya mereka yang menyiram disuruh menyiram walaupun pokoknya telah mati. Ada ketikanya pokok-pokok yang digunting dengan begitu rapi untuk memberi kecantikan tetapi ranting-ranting yang dipotong tidak dibuangkan serta merta tetapi dibiarkan pula untuk menjadi "hiasan". Apabila mesin memotong rumput digunakan tempat-tempat yang sukar dicapai oleh mesin dibiarkan begitu sahaja untuk dihiasi oleh lalang ataupun rumput-rumput yang panjang. Saya boleh terus menerus menghuraikan tentang "common sense" dalam bidang kecantikan dan pembersihan ini. Begitu juga saya rasa saudara-saudara sekalian tentu dapat memerhati dan merasai "the state of the civil service" yang memerlukan tindakan kita bersama untuk memperbaiki keseluruhan jentera Kerajaan. Saudara-saudara sekalian.

11. Saya percaya sekiranya setiap pegawai Kerajaan memberi kepentingan dan keutamaan kepada "sense of purpose," "sense of urgency," dan "common sense," dan melihat sesuatu suasana dan keperluan tugas dari kaca mata-kaca mata ini sudah tentu banyak yang akan dapat kita capai. Dengan ini barulah bermakna segala usaha memperbaiki sistem dan peraturan supaya perkhidmatan yang diberikan bertambah baik dan peralatan serta suasana kerja dan membantu dalam tindakan yang lebih berkesan. Saya harap pegawai-pegawai kanan yang berada di barisan hadapan, sama ada dalam perkhidmatan apa jua sekalipun, akan membuat interpretasi yang jelas dan membina daripada prinsip-prinsip yang dikehendaki bagi memandu menggerak keseluruhan anggota-anggota Kerajaan untuk memasuki dan mendukung era baru dalam usaha meningkatkan prestasi jentera dan kemampuan Kerajaan.

12. Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia yang dahulunya dipanggil MCS adalah dianggap sebagai "elite service." Ungkapan ini mempunyai sejarahnya dalam sistem pentadbiran Kerajaan penjajah di mana terdapat unsur-unsur "tuan dan hamba." Selepas merdeka, dan dengan hasrat kita untuk membawa negara kita kepada satu tahap pencapaian yang setaraf dengan negara-negara maju dan tamadun-tamadun besar, konsep "elite" mestilah membawa erti kepimpinan yang berjiwa rakyat dan yang didorong oleh mutu pencapaian yang tinggi. Saya yakin, sekiranya setiap pegawai PTD melengkapkan

dirinya dengan ciri-ciri yang saya sebutkan tadi dan seterusnya berusaha untuk meningkatkan kemampuannya bagi memberi perkhidmatan yang paling bermutu kepada negara, PTD akan menjadi "avant garde" yang membawa perubahan kepada satu perkhidmatan awam yang berpotensi dan dinamis. Saya ingin melihat fenomena ini berlaku dalam masa yang sesingkat-singkatnya.

13. Dengan pesanan dan harapan ini saya mengucapkan kepada saudara-saudara sekelian selamat maju jaya dan selamat berkhidmat untuk negara.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.